

Nama: _____ Kelas: _____

Soalan 1

Anda mengambil bahagian dalam pertandingan perlumbaan kereta. Ketika hendak membeli kereta yang sesuai, anda mengumpul maklumat yang akhirnya berguna untuk menentukan kereta mana yang hendak dibeli.

<i>Model</i>	<i>Jisim/kg</i>	<i>Kadar kuasa enjin, P/W</i>	<i>Bentuk</i>	<i>Kelebaran tayar/cm</i>
A	1000	100.0	<i>Tak aerodinamik</i>	50
B	1500	100.0	<i>Tak aerodinamik</i>	100
C	1000	150.0	<i>Aerodinamik</i>	100
D	2000	150.0	<i>Aerodinamik</i>	50

Terangkan kesesuaian setiap ciri untuk membantu anda menentukan kereta manakah yang hendak dibeli. Tentukan kereta manakah anda akan beli dan terangkan sebabnya.

[10 markah]

Ciri-ciri	Sebab/Penerangan

Soalan 2

Anda ingin mengikuti pertandingan roket air peringkat sekolah. Anda dikehendaki mereka bentuk roket air supaya lebih dapat bergerak lebih tinggi dan jauh. Cadangkan pengubahsuaian yang boleh dilakukan berdasarkan aspek-aspek yang berikut:

- (a) Bahan yang digunakan
- (b) Bentuk roket
- (c) Sudut pelancaran roket
- (d) Isipadu air yang digunakan

[10 markah]

Ciri-ciri /Cadangan Pengubahsuaian	Sebab/Penerangan

Soalan 3

Pemain bola lisut memakai sarung tangan untuk menangkap bola ketika suatu pertandingan softbal. Pada ketika pemain itu menangkap bola, daya impuls terlibat.

Cadangkan pengubahsuaian yang boleh dilakukan pada sarung tangan itu untuk mengelakkan kecederaan kepada pemain melalui aspek-aspek berikut:

- (a)Ketebalan sarung tangan itu.
- (b)Permukaan untuk bahagian tapak tangan bagi sarung tangan itu.
- (c)Bahan yang digunakan untuk sarung tangan
- (d)Kaedah menangkap bola

Ciri-ciri /Cadangan Pengubahsuaian	Sebab/Penerangan